

SULIT
1103/1
Bahasa
Melayu
Kertas 1
September
2005

1103/1



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2005

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab Soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak 1 halaman tidak bercetak



Bahagian A
(Masa yang dicadangkan : 45 minit)

[30 markah]

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang seni mempertahankan diri. Panjang huraian, antara 200 hingga 250 patah perkataan.



SENI MEMPERTAHANKAN DIRI



Bahagian B

(Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit)

[100 markah]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **melebihi 350 patah perkataan**.

1. Menjelang tahun 2010, kebanyakan bandar di negara ini dijangka mengalami kesesakan lalu lintas yang serius. Oleh itu, pengangkutan awam amat penting bagi mengatasi masalah tersebut.

Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang harus diambil untuk menggalakkan orang ramai menggunakan sistem pengangkutan awam.

2. Ada pendapat menyatakan 'Kebanyakan penyakit berpunca daripada amalan pemakanan'.

Bahaskan pernyataan ini.

3. Bersempena dengan Hari Kebangsaan, sekolah anda telah menganjurkan forum yang bertajuk, 'Memupuk semangat patriotisme dalam kalangan pelajar.' Antara ahli panel yang telah diundang untuk mengemukakan pendapat mereka ialah tokoh sejarah, ahli akademik, dan bekas perajurit.

Tulis forum tersebut selengkapnya.

4. Teknologi maklumat dan komunikasi amat penting dalam pembangunan dan kemajuan negara kita.

Tulis ulasan anda tentang pernyataan di atas.

5. Kelab Penulisan Kreatif sekolah anda akan menganjurkan pertandingan menulis cerpen berasaskan peribahasa, 'Genggam bara api, biar sampai jadi arang'. Anda berminat untuk menyertai pertandingan tersebut.

Tulis cerpen anda selengkapnya.

KERTAS SOALAN TAMAT